

**Najib ketua majlis pembangunan bumiputera  
Malaysiakini.com  
June 10, 2010**

Satu majlis peringkat tertinggi akan ditubuhkan untuk merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan agenda pembangunan bumiputera, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Majlis ini akan diketuai oleh saya sendiri dan dianggotai oleh beberapa menteri kabinet, pegawai kanan kerajaan serta pihak swasta," kata beliau dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) di Parliamen hari ini.

Najib berkata Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri akan menjadi urusetia kepada majlis tersebut.

Unit Pengurusan Projek di Kementerian Kewangan akan memantau program yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan yang efisien dan efektif, kata beliau.

Najib berkata kerajaan akan mengukuhkan agensi pembangunan keusahawanan seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Perbadanan Nasional Bhd (PUNB) dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion.

Beliau berkata pakej secara bersepadu akan dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing dan daya maju Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian (MPPB) untuk mengukuhkan daya tahan dan daya saing mereka.

Pakej berkenaan akan termasuk latihan keusahawanan, bantuan teknikal, pembiayaan, khidmat rundingan serta promosi dan pemasaran.

"Bagi meningkatkan akses kepada kemudahan pembiayaan, sebanyak RM1.5 bilion atau separuh daripada tambahan dana Skim Jaminan Modal Kerja sebanyak RM3 bilion akan diperuntukkan kepada usahawan bumiputera," katanya.

Mengenai usaha mempertingkatkan pemilikan hartanah bumiputera, Najib berkata Pelaburan Hartanah Bhd akan menubuhkan Tabung Pelaburan Amanah Hartanah bagi mengurangkan kekangan kepada Bumiputera untuk melabur dalam sektor hartanah komersil dan industri, serta mendapat faedah daripada peningkatan nilai hartanah tersebut.

Selain itu, Kampung Baru, yang merupakan aset bumiputera yang berharga di tengah-tengah pusat bandar raya Kuala Lumpur, akan dibangunkan semula supaya pemilik tanah dapat merealisasikan nilai sebenar hartanah mereka tanpa menjejaskan kedudukan orang Melayu sebagai pemegang asal tanah-tanah di kawasan itu, kata beliau.

Najib berkata program ekuiti swasta dalam syarikat pelaburan berkaitan kerajaan seperti Permodalan Nasional Bhd (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Haji akan diperbaharui, diperkukuh dan diperluas bagi mengemblem pelbagai dana dalam usaha memperluas pemilikan dan kawalan ekuiti bumiputera.

Beliau berkata Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) akan membawa pendekatan baru yang lebih mesra pasaran dan berdasarkan merit.

Ekuinas ditubuhkan sebagai institusi pelaburan ekuiti swasta bumiputera dengan penekanan khusus untuk melabur ke dalam syarikat sederhana besar yang berpotensi tinggi agar dapat

disokong sehingga menjadi jaguh serta peneraju utama dalam sektor masing-masing.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malysiakini.com/news/134180>